| NO | Soalan | Jawapan |
|---|---|---|
| 1 | **Adakah kesemua penerbangan AirAsia dan AirAsia X akan terlibat dalam perpindahan ini?** | Ya, kesemua penerbangan AirAsia dan AirAsia X akan berpindah ke klia2 bermula Jumaat, 9 Mei 2014.<br>Akan ada beberapa penerbangan pada 8 Mei 2014 yang akan terus mendarat di klia2 dan bukan di terminal LCC.<br><br>**[Sila rujuk Jadual 1 & Jadual 2 di penghujung dokumen ini untuk senarai penuh penerbangan]** |
| 2 | **Adakah jadual penerbangan saya akan berubah akibat perpindahan lapangan terbang ini?** | Sila semak www.airasia.com untuk jadual penerbangan yang terkini sebelum anda memulakan perjalanan ke lapangan terbang.<br><br>Terdapat beberapa penerbangan yang akan tiba terus ke klia2 pada 8 Mei 2014. Penerbangan adalah seperti yang tersenarai dalam Jadual 1 & Jadual 2 di hujung dokumen ini.<br><br>Para tetamu juga boleh merujuk kepada senarai penuh jadual penerbangan di laman mikro: http://www.airasia.com/klia2..<br>NOTA: Laman mikro hanya akan tersedia pada 5 Mei 2014. |
| 3 | **Bagaimana jika saya meletakkan kereta saya di kawasan Terminal LCC apabila saya memulakan perjalanan sebelum 9 Mei 2014, dan kini saya mendarat di klia2. Bagaimana saya boleh ke Terminal LCC dari klia2 untuk mengambil kereta saya?** | Perkhidmatan bas transit percuma akan disediakan oleh Malaysia Airports Holding Berhad (MAHB) beroperasi dari klia2 ke Terminal LCC DARI 1 Mei hingga 15 Mei 2014. Perkhidmatan bas ini akan tersedia setiap 15 – 20 minit.<br><br>Dimana untuk mengambil bas dari Terminal LCC:<br>Para tetamu boleh menaiki bas ulang alik ini di kawasan tersedia bagi perkhidmatan bas di Terminal LCC (laluan 3 dihadapan terminal LCC, bersebelahan laluan teksi)<br><br>Dimana untuk mengambil bas dari klia2: |

| | | |
|---|---|---|
| | | Aras 1 terminal klia2 |
| 4 | **Syarikat penerbangan lain seperti Malindo, Lion Air, Cebu Pacific akan memulakan operasi di klia2 bermula 2 Mei 2014, walaubagaimanpun AirAsia masih beroperasi di LCCT dari tarikh berikut hingga 9 Mei 2014. Apakah perkhidamatan yang tersedia di LCCT sepanjang minggu itu? Adakah pelan perjalanan saya akan terjejas?** | Tidak, pelan perjalanan anda tidak akan terjejas menerusi perpindahan ini pada 2 Mei – 9 Mei 2014. Kesemua perkhidmatan termasuk Imigresen, sekuriti, dan Kastam akan beroperasi seperti biasa pada tarikh tersebut,begitu juga dengan perkhidmatan pengangkutan awam ke Temrinal LCC. |
| 5 | **Saya tidak mahu mendarat di klia2, boleh saya mendapat bayaran balik tiket saya?** | Tiada bayaran balik dibenarkan seperti ternyata dalam terma & syarat kami. Kami telah memberitahu para tetamu kami terlebih dahulu mengenai perubahan lapangan terbang ini. Sekiranya anda memerlukan sebarang bantuan mengenai penempahan anda, sila hubungi kami menerusi:<br>1. Ask AirAsia menerusi www.airasia.com/ask<br>2. Online form di http://www.airasia.com/my/en/e-form.page<br>3. Live Chat (tersedia menerusi Ask AirAsia selepas daftar masuk mengunakan ID AirAsia). |
| 6 | **Jika penerbangan saya adalah pada 8 Mei 2014, tetapi waktu ketibaan adalah pada 9 Mei 2014, adakah saya akan mendarat di klia2?** | Ya, betul. Jika waktu ketibaan adalah pada 9 Mei 2014, anda akan tiba di klia2. Kami menyarankan anda untuk membuat segala urusan pengangkutan dari klia2. |
| 7 | **Bagaiamana untuk saya mengetahui dimana kaunter- kaunter saya boleh mendaftar masuk apabila saya berada di klia2 bagi penerbangan AirAsia / AirAsia X?** | Kami menyarankan para penumpang untuk daftar masuk menerusi laman web kami www.airasia.com atau melalui aplikasi mudah alih AirAsia. Walaubagaimanapun, terdapat tanda arah menunjukkan kiosk daftar masuk kami dan kaunter daftar masuk bagasi. Sila dapatkan bantuan dari kakitangan khidmat pelanggan kami di lapangan terbang yang sedia membantu |

| | | |
|---|---|---|
| | | anda. |
| 8 | **Saya tidak menerima sebarang emel / SMS / panggilan dari AirAsia mengenai perubahan lapangan terbang dan kini berada di Terminal LCC pada hari perlepasan – apakah solusi yang akan diberikan oleh AirAsia kepada saya?** | Kami telah memaklumkan para tetamu kami lebih awal mengenai perubahan lapangan terbang ini. Sekiranya anda memerlukan sebarang bantuan mengenai penempahan anda, sila hubungi kami menerusi:<br>1. Ask AirAsia menerusi www.airasia.com/ask<br>2. Online form di http://www.airasia.com/my/en/e-form.page<br>3. Live Chat (tersedia menerusi Ask AirAsia selepas daftar masuk mengunakan ID AirAsia).<br>Kami menyarankan kesemua tetamu kami untuk mengemas kini profil AirAsia mereka supaya kami dapat berhubung dengan anda. |
| 9 | **Adakah perpindahan ini bermakna saya memerlukan jadual perjalanan penerbangan yang baru?** | Anda tidak memerlukan jadual penerbangan yang baru bagi perpindahan ini, kerana kod lapangan terbang adalah masih sama.<br>(Sama ada anda tiba di KLIA atau KLIA2, anda akan berlepas atau tiba kod lapangan terbang yang sama iaitu KUL)<br><br>Anda akan menerima notifikasi menerusi emel memberi tahu anda mengenai terminal pelepasan atau ketibaan, yang kini akan berubah dari Terminal LCC ke klia2. Kami menyarankan kesemua para tetamu kami untuk kemas kini informasi di profil AirAsia mereka bagi memastikan semua para tetamu boleh diberitahu mengenai perubahan lapangan terbang ini, dan juga sebarang kemas kini pada masa-masa akan datang. |
| 10 | **Bagaimana jika saya telah melakukan daftar masuk web sebelum pemindahan lapangan terbang? Perlukah saya melakukan daftar masuk web sekali lagi dan mencetak pas masuk yang baru?** | Anda tidak perlu untuk mendaftar masuk sekali lagi kerana kod stesen/lapangan terbang masih sama.<br>Para Tetamu yang sudah melakukan daftar masuk web tetapi mempunyai bagasi berdaftar boleh terus ke kaunter daftar masuk bagasi AirAsia di Klia2. |

| | | |
|---|---|---|
| 11 | **Adakah perkhidmatan *Red Carpet* masih terdapat di klia2?** | Perkhidmatan *Red Carpet* kami akan dihentikan buat sementara waktu selama empat hingga enam minggu dari tarikh 9 Mei 2014. Ini adalah untuk memberi masa kepada kontraktor untuk menyiapkan kerja-kerja bagi kemudahan ruang tamu kami dan memastikan kesediaan operasi penuh di klia2.<br>Para Tetamu yang sudah membeli perkhidmatan *Red Carpet* untuk penerbangan keluar dari Kuala Lumpur layak mendapat kredit shell untuk bayaran yang dibayar. Tempahan bagi *Red Carpet* untuk penerbangan tiba ke Kuala Lumpur tidak akan terjejas.<br>Perkhidmatan *Red Carpet* akan beroperasi semula secepat mungkin. Kami akan memaklumkan kepada para tetamu apabila perkhidmatan *Red Carpet* dibuka semula. |
| 12 | **Apakah pilihan yang ada bagi saya untuk sampai ke klia2?** | Terdapat banyak pilihan pengangkutan awam untuk ke/dari klia2. Untuk maklumat lanjut, anda boleh merujuk seperti dibawah:<br>Bas: http://www.klia2.info/buses<br>Teksi: http://www.klia2.info/taxis<br>Keretapi: http://www.klia2.info/rail |
| 13 | **Apakah yang akan berlaku jika saya sudah menempah tiket SkyBus saya? Ia akan membawa saya terus ke klia2?** | Ya, anda masih akan dapat mengunakan tempahan tiket SkyBus anda yang telah ditempah melalui laman web AirAsia. Terminal Skybus akan berada di tingkat 1, klia2.<br><br>Untuk maklumat lanjut mengenai jadual, pelepasan & tempat-tempat perhentian SkyBus, sila layari<br>http://skybus.com.my/ |
| 14 | **Bagaimana jika saya telah menempah tiket** | Ya, anda masih akan dapat mengunakan tempahan tiket SkyBus anda yang |

| | | |
|---|---|---|
| | **SkyBus saya dan akan tiba di klia2 selepas 1800hrs GMT +8 pada 8 Mei 2014. Bolehkah saya menggunakan tempahan tiket SkyBus saya dan dimana saya menaiki bas?** | telah ditempah melalui laman web AirAsia. Walau bagaimanapun anda perlu menaiki bas dari Terminal LCC<br><br>Perkhidmatan ulang-alik bas percuma dari/ke klia dan Terminal LCC akan disediakan oleh Malaysia Airports Holding Berhad (MAHB) dari 1 Mei hingga 15 Mei 2014. Perkhidmatan bas in akan disediakan setiap 15 – 20 minit.<br><br>Tempat menaiki bas di Terminal LCC:<br>Tetamu boleh menaiki perkhidmatan bas ulang-alik di kawasan perkhidmatan bas di Termiinal LCC (Lorong ke-3 dari hadapan Terminal LCC, bersebelahan lorong teksi)<br><br>Tempat menaiki bas di klia2:<br>Tingkat 1, Terminal klia2 |
| 15 | **Dimanakah tempat pengambilan dan tempat-tempat berhenti ? Hanya di KL sentral? Atau dari One Utama?** | sila rujuk pautan http://skybus.com.my/<br><br>Sila rujuk dari laman web SkyBus http://skybus.com.my/ |
| 16 | **Selain daripada SkyBus, adakah terdapat pengusaha bas yang lain untuk ke klia2 dari kawasan sekitar Selangor & Kuala Lumpur?** | Ya, anda boleh merujuk di pautan perkhidmatan<br>Bas: http://www.klia2.info/buses |
| 17 | **Adakah cara lain untuk pergi ke klia2 selain daripada bas & teksi?** | Ya, anda boleh menaiki tren. Maklumat lanjut, boleh dilayari di laman web ini<br><br>tren: http://www.klia2.info/rail |
| 18 | **Berapa jauhkah Terminal LCC ke klia2?** | Jarak dari Terminal LCC ke Klia2 adalah kira-kira 20km. |

| | | |
|---|---|---|
| 19 | **Bagaimana saya boleh ke klia2 dari Terminal LCC?** | Perkhidmatan bas ulang-alik percuma dari/ke klia2 dan Terminal LCC akan disediakan oleh Malaysia Airports Holding Berhad (MAHB) dari 1 Mei hingga 15 Mei 2014. Perkhidmatan bas in akan disediakan setiap 15 – 20 minit.<br>Tempat menaiki bas di Terminal LCC:<br>Tetamu boleh menaiki perkhidmatan bas ulang-alik di kawasan perkhidmatan bas di Terminal LCC (Lorong ke-3 dari hadapan LCCT, bersebelahan lorong teksi)<br>Tempat menaiki bas di Klia2:<br>Tingkat 1, Terminal Klia2 |
| 20 | **Dimana saya boleh meletakkan kereta saya di klia2?** | Terdapat sebanyak 6,000 lot parkir kereta disediakan di Bangunan Kompleks Bersepadu di Klia2 untuk kegunaan semua penumpang dan pelawat. Parkir kereta ini diruruskan oleh pihak MAHB dan anda boleh melayari laman web klia2: http://klia2.info/ untuk maklumat selanjutnya mengenai parkir kereta. |
| 21 | **Berapakah caj yang akan dikenakan?** | Parkir kereta diruruskan oleh pihak MAHB dan anda boleh melayari laman web klia2: http://klia2.info/ untuk maklumat selanjutnya mengenai parkir kereta. |
| 22 | **Siapa yang beroperasi parkir kereta di klia2?** | The car park is managed by MAHB and you may refer to the klia2 website: http://klia2.info/ for further information about the car park.<br>Parkir kereta diruruskan oleh pihak MAHB dan anda boleh melayari laman web klia2: http://klia2.info/ untuk malumat selanjutnya mengenai parkir kereta. |
| 23 | **Adakah perkhidmatan parkir ini adalah secara bayaran secara automatik atau di kaunter?** | Parkir kereta diruruskan oleh pihak MAHB dan anda boleh melayari laman web klia2: http://klia2.info/ untuk malumat selanjutnya mengenai parkir kereta. |
| 24 | **Adakah parkir kereta di klia2 tertutup?** | Parkir kereta yang terletak di Banguan Kompleks Bersepadu adalah tertutup. Anda boleh melayari laman web klia2 http://klia2.info untuk maklumat selanjutnya. |
| 25 | **Berapa jauhkan jarak diantara parkir kereta ke bangunan terminal supaya saya boleh** | Bermula 9 Mei 2014 di klia2, kesemua kaunter daftar masuk bagasi AirAsia dan AirAsia X akan dibuka tiga (3) jam sebelum masa perlepasan yang dijadual, dan |

| | | |
|---|---|---|
| | **merancang waktu perjalanan dan masa yang saya perlukan untuk saya  berada di klia2 sebelum penerbangan.** | akan ditutup satu (1) jam sebelum waktu perlepasan yang telah dijadual.<br><br>Kami menasihatkan kesemua tetamu kami untuk tiba lebih awal dari masa daftar masuk yang disyorkan untuk memastikan anda mempunyai masa yang cukup untuk bergerak dari kaunter daftar masuk ke pintu perlepasan yang telah ditetapkan |
| 26 | **Adakah AirAsia akan menggunakan aerobridge di klia2?** | Ya, kesemua penerbangan AirAsia dan AirAsia X akan menggunakan aerobridge di klia2 untuk kemudahan kesemua tetamu kami. |
| 27 | **Dimanakah terletaknya kaunter kerusi roda di klia2 jika saya / ahli keluarga / rakan saya memerlukan khidmat kerusi roda semasa perjalanan?** | Kakitangan kami akan terus menawarkan perkhidmatan kerusi roda dan bantuan kepada penumpang yang memerlukan perkhidmatan ini. Kami memohon dan memerlukan anda untuk melakukan tempahan awal secara atas talian melalui 'Urus Tempahan Saya'' di www.airasia.com.<br><br>Kaunter bantuan akan kelihatan dengan jelas apabila anda tiba di klia2. |
| 28 | **Apakah pilihan membeli belah yang terdapat di klia2?** | Sila layari laman web klia2 di http://klia2.info/ untuk direktori lapangan terbang. |
| 29 | **Apakah jenis kedai makan dan minuman yang terdapat di klia2?** | Sila layari laman web klia2  di http://klia2.info/ untuk direktori lapangan terbang. |
| 30 | **Adakah akan ada AirAsia lounge di klia2? Apakah perkhidmatan yang terdapat di lounge itu?** | Perkhidmatan lounge adalah sebahagian dari perkhidmatan AirAsia's Red Carpet. Perkhidmatan ini akan disediakan selepas kami memulakan operasi di klia2.<br><br>Bagi tetamu yang ingin mendapatkan akses lounge, anda mempunyai pilihan untuk membeli dari pengendali lounge persendirian, seperti Premium Plaza. |
| 31 | **Jika saya kehilangan bagasi saya, di mana harus saya rujuk?** | Tetamu harus melaporkan perkara ini kepada pejabat Khidmat Bagasi kami yang terletak di kawasan ketibaan antarabangsa atau domestik. Segala tuntutan |

| | | |
|---|---|---|
| | | bagi kehilangan atau kelewatan bagasi hendaklah dilaporkan kepada kakitangan kami sebelum anda keluar dari balai ketibaan. |
| 32 | **Bagaimanakah jika bagasi saya rosak, di mana saya boleh mendapatkan bantuan dari kakitangan AirAsia / AirAsia X staff?** | Para tetamu harus melaporkan perkara ini kepada pejabat Khidmat Bagasi kami yang terletak di kawasan ketibaan antarabangsa atau domestik. Segala tuntutan bagi kehilangan atau kelewatan bagasi hendaklah dilaporkan kepada kakitangan kami sebelum anda keluar dari balai ketibaan. |
| 33 | **Bolehkah saya terus ke pintu masuk perlepasan jika saya tidak mempunyai sebarang bagasi untuk didaftar masuk dan saya telah mendaftar masuk di laman web mencetak pas masuk?** | Jika anda telah menerima pas masuk yang yang tertulis "Proceed direct to Security and Immigration", anda boleh terus ke pusat pemeriksaan keselamatan dan kaunter Imigresen sebelum ke pintu perlepasan.<br><br>Bagi tetamu yang memerlukan pemeriksaan dokumen seperti yang tertulis di pas masuk anda, anda perlu ke kaunter semakan dokumen yang telah disediakan untuk semakan visa/pasport. |
| 34 | **Dimanakah kaunter daftar masuk bagasi terletak?** | Berikut adalah kaunter-kaunter daftar masuk AirAsia di klia2: Barisan T,U,V,Y & Z (tertakluk kepada perubahan operasi). Kesemua kaunter telah di label dengan jelas dan anda boleh menyemak melalui skrin Sistem Paparan Maklumat Penerbangan (FIDS) yang terdapat di sekitar terminal.<br><br>AirAsia dan AirAsia X akan beroperasi menggunakan urusan daftar masuk seperti biasa di klia2 yang memberikan lebih fleksibiliti kepada para tetamu kami dan tiada kaunter tertentu disediakan bagi setiap penerbangan. Sila periksa skrin FIDS atau rujuk kakitangan khidmat pelanggan kami yang mesra apabila anda tiba di terminal. |
| 35 | **Dimanakah kaunter bagi semakan dokumentasi terletak?** | Kaunter-kaunter semakan dokumen (bagi para tetamu yang memerlukannya) terletak di setiap barisan. Sila rujuk penanda arah / skrin untuk maklumat lanjut. |
| 36 | **Dimanakah saya boleh mendaftar masuk jika** | Semua para tetamu mesti melakukan daftar masuk sendiri melalui cara-cara |

| | | |
|---|---|---|
| | **saya belum mencetak pas perlepasan?** | berikut:-<br>Daftar masuk melalui laman web<br>Daftar masuk menerusi mudah alih, menerusi applikasi mudah alih<br>Kioks-kiosk Daftar masuk layan diri yang terdapat di klia2<br>Para tetamu tidak akan diterima bagi daftar masuk di kaunter, hanya urusan daftar masuk bagasi sahaja yang boleh dilakukan di kaunter. |
| 37 | **Adakah kiosk-kiosk daftar masuk layan diri AirAsia / AirAsia X tersedia di klia2?** | Ya, anda boleh menggunakan kiosk daftar masuk kami yang terletak bersebelahan kaunter daftar masuk bagasi di barisan-barisan AirAsia. |
| 38 | **Berapa jauh perjalanan berjalan kaki dari kawasan kaunter daftar masuk bagasi ke kawasan semakan imigresen & sekuriti ?** | Lapangan terbang baru ini merangkumi kawasan seluas 257,000m2 dan persekitaran yang baru bagi para penumpang, pergerakan dari satu tempat ke tempat yang lain dalam lapangan terbang ini akan mengambil lebih banyak masa dari biasa. Kami menggalakkan para tetamu kami untuk tiba lebih awal dari masa daftar masuk yang telah disyorkan bagi membiasakan diri dengan persekitaran lapangan terbang yang baru ini.<br><br>Untuk pengetahuan anda, bermula dari 9 Mei 2014 di klia2 kesemua kaunter AirAsia dan AirAsia X akan dibuka untuk proses daftar masuk bagasi tiga (3) jam sebelum waktu perlepasan yang telah dijadualkan dan akan ditutup satu (1) jam sebelum waktu perlepasan yang telah dijadualkan.<br><br>Kami menasihatkan kesemua penumpang kami untuk tiba di lapangan terbang sekurang-kurangnya tiga (3) jam sebelum dari waktu perlepasan agar anda mempunyai masa yang cukup untuk bergerak dari kaunter daftar masuk ke pintu-pintu perlepasan yang telah ditetapkan. |
| 39 | **Adakah akan ada pintu masuk yang berbeza bagi penerbangan domestik dan antarabangsa?** | Ya, sila lihat jadual di bawah untuk maklumat lanjut mengenai pintu yang berbeza bagi penerbangan domestik & antarabangsa:<br><br>**Penerbangan Domestik** — Pintu J & K |

<table>
<tr><td></td><td></td><td><table><tr><td>Penerbangan Antarabangsa</td><td>Pintu P & Q</td></tr><tr><td>Balai pertukaran diantara terminal domestik & antarabangsa</td><td>Pintu L</td></tr></table></td></tr>
<tr><td>40</td><td>Saya mempunyai tempahan perkhidmatan Fly-Thru, bagaimana ini akan menjejaskan tempahan saya? Dimana saya boleh dapatkan penerbangan sambungan saya?</td><td>Kesemua para tetamu Fly-Thru boleh berhubung menerusi Pintu L, di mana para tetamu boleh berhubung ke balai transit antara pintu domestik & antarabangsa. Sila berhubung dengan staff khidmat pelanggan kami yang sedia membantu anda.</td></tr>
<tr><td>41</td><td>Dimana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai klia2?</td><td>Anda boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai klia2 di pautan ini: http://www.klia2.info/</td></tr>
<tr><td>42</td><td>Adakah akan ada sebarang perubahan bagi cukai lapangan terbang / caj perkhidmatan penumpang (PSC)?</td><td>Tidak, tiada perubahan bagi caj perkhidmatan pelanggan (PSC).</td></tr>
</table>

**Ketibaan Penerbangan AirAsia ke klia2 pada 8 Mei 2014:**

**JADUAL 1: PENERBANGAN DOMESTIK**

| No | Perlepasan dari | Nombor Penerbangan | Waktu perlepasan | ketibaan ke klia2 |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Terengganu | AK 6227 | 1615hrs | 1710hrs |
| 2 | | AK 6221 | 2120hrs | 2215hrs |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 3 | Kota Bharu | AK 6439 | 1710hrs | 1810hrs |
| 4 | | AK 6443 | 2155hrs | 2255hrs |
| 5 | | AK 6447 | 2315hrs | 0015hrs (9 Mei) |
| 6 | Tawau | AK 5741 | 1855hrs | 2140hrs |
| 7 | Bintulu | AK 5243 | 1945hrs | 2145hrs |
| 8 | Alor Setar | AK 6015 | 2145hrs | 2250hrs |
| 9 | Johor Bahru | AK 6049 | 2205hrs | 2255hrs |
| 10 | Sibu | AK 5875 | 2100hrs | 2255hrs |
| 11 | Miri | AK 5649 | 2105hrs | 2320hrs |
| 12 | Langkawi | AK 6323 | 2240hrs | 2345hrs |
| 13 | | AK 6311 | 1520hrs | 1630hrs |
| 14 | | AK 6315 | 2020hrs | 2130hrs |
| 15 | | AK 6317 | 2110hrs | 2220hrs |
| 16 | Kota Kinabalu | AK 5131 | 2130hrs | 0000hrs (9 Mei) |
| 17 | | AK 5117 | 1855hrs | 2125hrs |
| 18 | | AK 5119 | 1925hrs | 2155hrs |
| 19 | Kuching | AK 5219 | 2220hrs | 0005hrs (9 Mei) |
| 20 | Penang | AK 6121 | 2305hrs | 0005hrs (9 Mei) |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 21 | | AK 6129 | 2055hrs | 2155hrs |

**JADUAL 2: PENERBANGAN ANTARABANGSA**

| No | Perlepasan dari | Nombor penerbangan | Waktu perlepasan | Ketibaan ke klia2 |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Macau | AK 189 | 1640hrs | 2030hrs |
| 2 | | AK 187 | 1830hrs | 2220hrs |
| 3 | Nanning | AK 169 | 1730hrs | 2110hrs |
| 4 | Kunming | AK 100 | 1740hrs | 2150hrs |
| 5 | Lombok | AK 307 | 1915hrs | 2225hrs |
| 6 | Ho Chi Minh City | AK 525 | 2110hrs | 0000hrs (9 Mei) |
| 7 | | AK 529 | 1240hrs | 1530hrs |
| 8 | Phuket | AK 823 | 2140hrs | 0005hrs (9 Mei) |
| 9 | Bali | AK 371 | 2120hrs | 0020hrs (9 Mei) |
| 10 | Shenzhen | AK 123 | 2050hrs | 0045hrs (9 Mei) |
| 11 | | AK 131 | 2105hrs | 0055hrs (9 Mei) |
| 12 | Yangon | AK 503 | 1930hrs | 2345hrs |
| 13 | Guangzhou | AK 119 | 0115hrs (9 Mei) | 0525hrs (9 Mei) |
| 14 | | AK 117 | 2050hrs | 0055hrs (9 Mei) |
| 15 | Medan | AK 394 | 2125hrs | 2325hrs |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 16 | Trichy | AK 28 | 2355hrs | 0625hrs (9 Mei) |
| 17 | | AK 24 | 0925hrs | 1555hrs |
| 18 | | AK 26 | 1705hrs | 2335hrs |
| 19 | Kochi | AK 38 | 2330hrs | 0620hrs (9 Mei) |
| 20 | Kolkata | AK 62 | 0040 hrs (9 Mei) | 0720hrs (9 Mei) |
| 21 | Chennai | AK 12 | 1750hrs | 0020hrs (9 Mei) |